

Fahami prinsip, ikhtiar dan rawatan

Komentari



Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar

Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merangkap Naib Presiden I-Medik

Kita dikejutkan dengan kematian dua kanak-kanak akibat penyakit difteria, seorang di Melaka dan seorang lagi di Kedah. Mereka dilaporkan tidak melengkapkan jadual imunisasi mereka. Beberapa orang yang lain telah dipantau dengan teliti kerana disyaki dijangkiti penyakit itu. Difteria adalah penyakit berjangkit, disebabkan oleh bakteria 'corynebacterium diphtheriae' dan mudah tersebar melalui titisan cecair pernafasan.

Antara tanda dan gejala difteria bakteria yang membebaskan sitotoksin menyebabkan keradangan dan terbentuknya selaput lembut berwarna kelabu di sekitar tekak. Pesakit akan rasa sukar menelan kerana tekak berasa sakit di kawasan antara rongga mulut dan farinks serta bengkak pada kelenjar leher.

Bagi kes yang teruk, leher menjadi bengkak dan edema. Kes yang teruk akan menyebabkan komplikasi seperti kelumpuhan saraf otak, kaki dan tangan (motor periferi) serta deria dan radang pada jantung (miokarditis). Apa yang amat dibimbangi, selain mudah berjangkit, difteria mempunyai kadar kematian yang tinggi, iaitu antara 25 hingga 50 pe-

ratus.

Kemajuan perubatan memungkinkan penyakit difteria dikawal melalui kaedah vaksinasi. Rakyat beruntung kerana vaksin difteria terkandung dalam vaksin lima serangkai, DTaP-IPV//Hib (Difteria, Pertusis, Tetanus, Polio dan Haemophilus influenzae type b) yang diberikan secara percuma oleh Kementerian Kesihatan. Ia diberikan pada usia dua, tiga, lima dan 18 bulan.

Tanggungjawab bersama

Di sini, kita harus faham, membendung gejala difteria, adalah tanggungjawab bersama. Ini kerana dengan mudahnya perebakan kuman difteria, kita memerlukan liputan imunisasi yang melebihi 95 peratus dalam komuniti, yang akan memberi imuniti kelompok dan melindungi kanak-kanak daripada dijangkiti.

Kanak-kanak yang menerima imunisasi lengkap hanya akan mengalami gejala ringan apabila dijangkiti dan terlindung daripada komplikasi. Masyarakat perlu memahami dua perkara iaitu statistik dan prinsip Islam mengenai ikhtiar dalam rawatan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan program vaksin terhadap difteria berjaya mengu-

rangkan insiden penyakit itu di banyak negara.

Contohnya, di Amerika Syarikat, sebelum program vaksin diperkenalkan, ada 100,000 hingga 200,000 kes jangkitan difteria setiap tahun, dengan kematian sebanyak 15,000 hingga 20,000 setahun. Setelah vaksinasi diperkenalkan, kurang daripada lima kes dilaporkan setahun di Amerika Syarikat dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini. Begitu juga, statistik menunjukkan apabila sesebuah negara mengalami penurunan kadar vaksinasi di kalangan rakyatnya, wabak yang serius terjadi. Ini terjadi dalam tahun 1990-an, di mana epidemik difteria melanda Russia dengan lebih 5,000 kematian.

Oleh itu, masyarakat tidak boleh beralasan secara individu, seperti membandingkan anak yang tidak divaksin kelihatan lebih sihat atau lebih menjadi, dibanding dengan anak yang divaksin. Masyarakat harus melihat dalam konteks 'evidence based medicine' dan dalam masalah yang lebih besar iaitu penyakit ini berupaya membawa kematian.

Kepentingan ikhtiar

Keduanya, prinsip maqasid syariah. Islam menekankan kepentingan ikhtiar dan pengetahuan

yang jelas, dapat membantu kita membuat keputusan bersandarkan pengalaman dan ilmu pengetahuan. Ramai tersalah anggap sesuatu yang bersifat semula jadi bermaksud Islamik, Satu pemahaman yang salah adalah beranggapan memilih suatu bentuk rawatan yang dianggap semula jadi bermakna kita telah menyerahkan segala urusan di tangan Allah, dan sebaliknya jika ada campur tangan lain seperti proses vaksinasi, seseorang itu dikira tidak cukup iman akibat terlalu bergantung kepada manusia lain dan teknologi.

Sebaliknya, pemilihan bentuk rawatan bergantung kepada prinsip maqasid syariah yang terdiri daripada lima perkara iaitu melindungi agama, melindungi nyawa, melindungi akal, melindungi keturunan dan melindungi harta. Dalam maqasid syariah, tiada dinyatakan secara khusus dengan cara seseorang itu dapat melindungi lima prinsip di atas.

Jika salah satu cara itu terbukti lebih baik daripada cara lain, dalam melindungi nyawa misalnya, kita harus memilih kaedah lebih baik. Bahkan untuk melindungi nyawa, adalah menjadi wajib untuk kita memilih kaedah yang lebih baik.